

**LEKSI PERIPHERAL INDO-EURO DALAM  
PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU DI  
ALAM MALAYNESIA**

**GERALD AHAYU**



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **LEKSI PERIPHERAL INDO-EURO DALAM  
PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU DI ALAM  
MALAYNESIA**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **LINGUISTIK**

Saya **GERALD AHAYU**, Sesi **2021-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

\_\_\_\_\_  
**GERALD AHAYU**  
**MU2021015T**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 10 Oktober 2023

\_\_\_\_\_  
(Prof. Madya Dr. Mohd Nor Azan bin Abdullah)  
Penyelia Utama

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

27 Jun 2023

---


Gerald Ahayu  
MU2021015T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **GERALD AHAYU**  
NO. MATRIK : **MU2021015T**  
TAJUK : **LEKSIS PERIPHERAL INDO-EURO DALAM  
PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU DI ALAM  
MALAYNESIA**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
BIDANG : **LINGUISTIK**  
TARIKH VIVA : **27 JUN 2023**



DISAHKAN OLEH;

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

**1. PENYELIA UTAMA**

Prof. Madya Dr. Mohd Nor Azan bin Abdullah

---

**2. PENYELIA BERSAMA**

Dr. Hjh. Suhailah Abd. Muin

---

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, syukur ke hadrat Tuhan kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya diberi peluang untuk menyiapkan penulisan tesis sarjana ini. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama saya iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Nor Azan bin Abdullah dan penyelia bersama iaitu Dr. Hjh. Suhailah binti Abd. Muin yang telah banyak memberi pandangan, cadangan penambahbaikan, sokongan dan tunjuk ajar sepanjang menyempurnakan penulisan tesis sarjana ini. Terima kasih juga yang tidak terhingga kepada pensyarah-pensyarah yang menilai tesis sarjana saya sepanjang proses menyiapkan penulisan tesis sarjana ini serta ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada sahabat seperjuangan saya Philiadiran Philip yang turut terlibat dalam membantu menyempurnakan tesis sarjana.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada keluarga tercinta terutamanya kedua ibu bapa saya iaitu Ahayu Bin Yakut dan Maria Binti Aliubin@Apas serta adik beradik saya yang sentiasa mendoakan, memberi semangat, sokongan dan bantuan kewangan bagi memastikan kejayaan dalam menyiapkan penulisan tesis sarjana ini dengan sempurna.

Kepada Kementerian Pengajian Tinggi, terima kasih di atas segala dana yang diperuntukkan untuk menyiapkan projek penyelidikan ini di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FGRS), FGRS/1/2018/SS101/UMS/02/1/FGRS0498-2018. Inisiatif ini bertepatan dengan hala tuju bagi menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) – PPPM (PT) 2015 – 2025. Akhir kata, hanya Tuhan yang dapat membalas segala kebaikan dan jasa kalian berikan dan semoga kita dapat mencapai kejayaan yang diinginkan bersama.

Gerald Ahayu  
27 Jun 2023

## ABSTRAK

Kajian ini berkaitan leksis peripheral Indo-Euro dalam pengantarabangsaan bahasa Melayu di alam Malaynesia. Analisis kajian ini menjelaskan usaha-usaha pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui penyerapan unsur-unsur asing seperti leksis peripheral Indo-Euro dalam bahasa Melayu. Permasalahan kajian ini bertitik tolak daripada ramai rakyat Malaysia yang kurang mengetahui akan kewujudan leksis peripheral Indo-Euro yang diserap ke dalam bahasa Melayu apabila sebutannya diubahsuai dengan sebutan Malaynesia setelah dimelayukan. Objektif kajian ini adalah untuk menyenaraikan leksis peripheral Indo-Euro yang diserap ke dalam bahasa Melayu dengan sebutan bahasa Melayu. Melalui penyerapan leksis peripheral Indo-Euro tersebut, kajian ini telah mengenal pasti perubahan fonologi dan morfologi leksis peripheral Indo-Euro dalam pembentukan leksis Malaynesia. Metodologi kajian ini menggunakan kajian perpustakaan dengan merujuk kamus-kamus, buku-buku atau dokumen tatabahasa yang berkaitan. Dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak 431 leksis peripheral Sanskrit, 122 leksis peripheral Parsi, 120 leksis peripheral Portugis, 312 leksis peripheral Belanda dan 219 leksis peripheral Inggeris yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini juga menunjukkan leksis peripheral bahasa Sanskrit mempunyai perubahan fonologi dan morfologi yang paling tertinggi iaitu 40 perubahan dan leksis peripheral bahasa Inggeris menunjukkan perubahan fonologi dan morfologi paling terendah iaitu 7 perubahan apabila diserap ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan fonologi dan pendekatan morfologi dalam mengenal pasti perubahan tersebut. Selain itu, kajian ini juga menggunakan pemahaman etimologi diakronik dan sinkronik yang melibatkan sejarah perkembangan leksis yang dikaji dan perubahan yang dialami oleh setiap leksis peripheral Indo-Euro yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Penyerapan leksis Indo-Euro ke dalam bahasa Melayu telah memperkayakan kosa kata bahasa Melayu dengan perubahan elemen-elemen linguistik tertentu seterusnya dapat membina keantarabangsaan bahasa Melayu. Kajian ini menunjukkan bahasa Melayu merupakan bahasa yang hidup dan fleksibel serta dapat menerima kata serapan daripada keluarga bahasa yang lain.

**Kata kunci:** Fonologi, Indo-Euro, Leksis Peripheral, Malaynesia, Morfologi Pengantarabangsaan.

## **ABSTRACT**

### ***INDO-EURO PERIPHERAL LEXIS IN INTERNATIONALIZATION OF MALAY LANGUAGE IN MALAYNESIA***

*This study is related to Indo-Euro peripheral lexis in the internationalization of the Malay language in Malaynesia. The analysis of this study explains the efforts to internationalize the Malay language through the absorption of foreign elements such as Indo-Euro peripheral lexis in the Malay language. The problem of this study is that many Malaysians are not aware of the existence of Indo-Euro peripheral lexis that is absorbed into the Malay language when the pronunciation is modified with the Malaynesia pronunciation after being Malayanized. The objective of this study is to list the Indo-Euro peripheral lexis absorbed into the Malay language with Malay pronunciation. Through the absorption of Indo-Euro peripheral lexis, this study has identified phonological and morphological changes of Indo-Euro peripheral lexis in the formation of Malaynesia lexis. The methodology of this study uses library research by referring to dictionaries, books or related grammar documents. The findings of this study show a total of 431 Sanskrit peripheral lexis, 122 Persian peripheral lexis, 120 Portuguese peripheral lexis, 312 Dutch peripheral lexis and 219 English peripheral lexis absorbed into the Malay language. This study also shows that Sanskrit peripheral lexis has the highest phonological and morphological changes which is 40 changes and English peripheral lexis shows the lowest phonological and morphological changes which is 7 changes when absorbed into Malay. This study uses a phonological approach and a morphological approach in identifying the changes. In addition, the study also uses the understanding of diachronic and synchronic etymology which involves the history of the development of the studied lexis and the changes experienced by each Indo-Euro peripheral lexis that is absorbed into the Malay language. The absorption of Indo-Euro lexis into the Malay language has enriched the vocabulary of the Malay language with the change of certain linguistic elements which in turn can build the internationality of the Malay language. This study shows that the Malay language is a living and flexible language and can receive words absorbed from other language families.*

**Key Words:** *Phonology, Indo-Euro, Peripheral Lexicon, Malaynesia, Morphology, Internationalization.*

# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xix
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Definisi Operasional	16
1.8.1 Leksis	16



1.8.2	Peripheral	16
1.8.3	Leksis Peripheral	17
1.8.4	Indo-Euro	17
1.8.5	Pengantarabangsaan	18
1.8.6	Bahasa	18
1.8.7	Melayu	19
1.8.8	Alam	19
1.8.9	Malaynesia	19
1.9	Rumusan Bab	20
 <b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>		 22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep Leksis Peripheral	22
2.3	Konsep Indo-Euro	28
2.4	Konsep Elemen Linguistik Leksis Peripheral Indo-Euro	29
2.4.1	Fonologi	29
2.4.2	Morfologi	29
2.5	Konsep Pengantarabangsaan Bahasa Melayu	30
2.6	Kajian-Kajian Lepas	32
2.6.1	Leksis Peripheral Indo-Euro	32
2.6.2	Perubahan Fonologi Leksis Peripheral Indo-Euro	33
2.6.3	Perubahan Morfologi Leksis Peripheral Indo-Euro	37
2.6.4	Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Alam Malaynesia	38
2.7	Rumusan Bab	42
 <b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>		 44
3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.2.1	Kerangka Kajian	47
3.3	Kriteria Persampelan	48

3.4	Tatacara dan Prosedur Pengumpulan Data	49
3.4.1	Pengumpulan Data Sekunder	51
3.4.2	Kaedah Perpustakaan	52
3.5	Kaedah Pengkategorian Data	52
3.6	Analisis Data Kajian: Analisis Kualitatif	53
3.7	Kebolehpercayaan, Kesahan dan Etika Penyelidikan	54
3.8	Rumusan Bab	55
<b>BAB 4:</b>	<b>SENARAI LEKSIS PERIPHERAL INDO-EURO DALAM BAHASA MELAYU</b>	56
4.1	Pengenalan	56
4.2	Senarai Leksis Peripheral Bahasa Sanskrit dalam Bahasa Melayu	58
4.3	Senarai Leksis Peripheral Bahasa Parsi dalam Bahasa Melayu	79
4.4	Senarai Leksis Peripheral Bahasa Portugis dalam Bahasa Melayu	87
4.5	Senarai Leksis Peripheral Bahasa Belanda dalam Bahasa Melayu	94
4.6	Senarai Leksis Peripheral Bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu	112
<b>BAB 5:</b>	<b>PERUBAHAN FONOLOGI DAN MORFOLOGI LEKSIS PERIPHERAL INDO-EURO APABILA DISERAP KE DALAM BAHASA MELAYU DENGAN SEBUTAN BAHASA MELAYU</b>	129
5.1	Pengenalan	129
5.2	Analisis Perubahan Fonologi dan Morfologi Leksis Peripheral Bahasa Sanskrit dalam Bahasa Melayu	129
5.2.1	Penyerapan Penuh	130
5.2.2	Penyahaspirasian	132
5.2.3	Pengguguran Vokal	134
5.2.4	Pengguguran Konsonan	135
5.2.5	Penyisipan Vokal	136
5.2.6	Penyisipan Konsonan	137
5.2.7	Perubahan Vokal	137
5.2.8	Perubahan Konsonan	142

5.2.9	Analisis Suku Kata	151
5.2.10	Analisis Pemelayuan Bahasa Sanskrit ke dalam Bahasa Melayu	152
5.3	Analisis Perubahan Fonologi dan Morfologi Leksis Peripheral Bahasa Parsi dalam Bahasa Melayu	153
5.3.1	Penyerapan Penuh	153
5.3.2	Penyahaspirasi	154
5.3.3	Pengguguran Vokal	155
5.3.4	Penyisipan Vokal	155
5.3.5	Penyisipan Konsonan	156
5.3.6	Perubahan Vokal	157
5.3.7	Perubahan Konsonan	159
5.3.8	Analisis Suku Kata	162
5.3.9	Analisis Pemelayuan Bahasa Parsi dalam Bahasa Melayu	162
5.4	Analisis Perubahan Fonologi dan Morfologi Leksis Peripheral Bahasa Portugis dalam Bahasa Melayu	163
5.4.1	Penyerapan Penuh	163
5.4.2	Penyahaspirasi	164
5.4.3	Pengguguran Vokal	164
5.4.4	Pengguguran Konsonan	165
5.4.5	Penyisipan Konsonan	166
5.4.6	Perubahan Vokal	166
5.4.7	Perubahan Konsonan	168
5.4.8	Analisis Suku Kata	172
5.4.9	Analisis Pemelayuan Bahasa Portugis dalam Bahasa Melayu	173
5.5	Analisis Perubahan Fonologi dan Morfologi Leksis Peripheral Bahasa Belanda dalam Bahasa Melayu	174
5.5.1	Penyerapan Penuh	174
5.5.2	Pengguguran Vokal	176
5.5.3	Pengguguran Konsonan	177
5.5.4	Penyisipan Vokal	177
5.5.5	Perubahan Konsonan	177

5.5.6	Perubahan Separuh Vokal	178
5.5.7	Perubahan Fonem [tie] menjadi [si]	178
5.5.8	Analisis Suku Kata	179
5.5.9	Analisis Pemelayuan Bahasa Belanda dalam Bahasa Melayu	179
5.6	Analisis Perubahan Fonologi dan Morfologi Leksis Peripheral Bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu	
5.6.1	Penyerapan Penuh	180
5.6.2	Penyahaspirasian	180
5.6.3	Pengguguran Vokal	181
5.6.4	Pengguguran Konsonan	182
5.6.5	Penyisipan Vokal	182
5.6.6	Perubahan Konsonan	182
5.6.7	Analisis Suka Kata	183
5.6.8	Analisis Pemelayuan Bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu	184
<b>BAB 6:</b>	<b>USAHA-USAHA PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU MELALUI PENYERAPAN LEKSIS PERIPHERAL INDO-EURO DALAM BAHASA MELAYU</b>	185
6.1	Pengenalan	185
6.2	Penubuhan Kursi Pengajian Melayu Di Universiti-Universiti Dalam Dan Luar Negara	185
6.3	Leksis Peripheral Indo-Euro Memberikan Pendedahan Fonologi Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa	190
6.4	Leksis Peripheral Indo-Euro Memudahkan Pelajar Antarabangsa Mengikuti Kursus Bahasa Melayu	193
6.5	Leksis Peripheral Indo-Euro Membantu Pengantarabangsaan Bahasa Melayu Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat Dalam Pengajaran Bahasa Melayu	194
<b>BAB 7:</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	197
7.1	Pengenalan	197
7.2	Rumusan Keseluruhan	197

7.3	Cadangan Kajian Di Masa Hadapan	200
7.4	Rumusan Bab	201
<b>RUJUKAN</b>		202



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Teknik Pengumpulan Data	50
Jadual 3.2 : Kaedah Analisis Data	54
Jadual 4.1 : Leksis Peripheral Bahasa Sanskrit ke dalam Bahasa Melayu	61
Jadual 4.2 : Leksis Peripheral Bahasa Parsi ke dalam Bahasa Melayu	82
Jadual 4.3 : Leksis Peripheral Bahasa Portugis ke dalam Bahasa Melayu	90
Jadual 4.4 : Leksis Peripheral Bahasa Belanda ke dalam Bahasa Melayu	98
Jadual 4.5 : Leksis Peripheral Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu	116
Jadual 5.1 : Penyerapan Penuh Leksis Peripheral Bahasa Sanskrit	130
Jadual 5.2 : Penyhaspirasian Leksis Peripheral Bahasa Sanskrit	132
Jadual 5.3 : Pengguguran Vokal [a, u] di Awal Leksis	134
Jadual 5.4 : Pengguguran Separuh Vokal [y]	134
Jadual 5.5 : Pengguguran Konsonan [h, v] di Awal Leksis	135
Jadual 5.6 : Pengguguran Konsonan [d, t, r, j, s, t] di Tengah Leksis	135
Jadual 5.7 : Pengguguran Konsonan [s] di Akhir Leksis	135
Jadual 5.8 : Penyisipan Vokal [a] di Awal Leksis	136
Jadual 5.9 : Penyisipan Vokal [a, i, u, ə] di Tengah Leksis	136
Jadual 5.10 : Penyisipan Konsonan [k, h, m,] di Tengah Leksis	137
Jadual 5.11 : Penyisipan Konsonan [h] di Akhir Leksis	137
Jadual 5.12 : Vokal depan luas [a] berubah menjadi vokal depan sempit [i]	138
Jadual 5.13 : Vokal depan luas [a] berubah menjadi vokal tengah [ə]	138
Jadual 5.14 : Vokal depan separuh sempit [e] berubah menjadi vokal depan sempit [i]	139
Jadual 5.15 : Vokal depan separuh sempit [e] berubah menjadi vokal belakang sempit [u]	140
Jadual 5.16 : Vokal depan sempit [i] berubah menjadi vokal depan separuh sempit [e]	140

Jadual 5.17	:	Vokal depan sempit [i] berubah menjadi vokal tengah [ə]	141
Jadual 5.18	:	Vokal belakang separuh sempit [o] berubah menjadi vokal belakang sempit [u]	141
Jadual 5.19	:	Vokal belakang sempit [u] berubah menjadi vokal depan luas [a]	142
Jadual 5.20	:	Vokal belakang sempit [u] berubah menjadi vokal tengah [ə]	142
Jadual 5.21	:	Konsonan hentian dua bibir bersuara [b] dineutralkan menjadi konsonan hentian dua bibir tidak bersuara [p]	143
Jadual 5.22	:	Konsonan hentian gigi-gusi bersuara [d] dineutralkan menjadi hentian langit lembut tidak bersuara [k]	143
Jadual 5.23	:	Konsonan hentian langit lembut bersuara [g] dineutralkan menjadi hentian langit lembut tidak bersuara [k]	143
Jadual 5.24	:	Konsonan separuh vokal langit keras bersuara [j] dineutralkan menjadi letupan langit keras [c]	144
Jadual 5.25	:	Konsonan hentian langit lembut tidak bersuara [k] dineutralkan menjadi hentian langit lembut bersuara [g]	144
Jadual 5.26	:	Konsonan sisian gigi-gusi bersuara [l] dineutralkan menjadi letusan langit keras-gigi gusi bersuara [ʃ]	145
Jadual 5.27	:	Konsonan nasal dua bibir-bersuara [m] dineutralkan menjadi nasal langit lembut bersuara [ŋ]	145
Jadual 5.28	:	Konsonan nasal gigi-gusi bersuara [n] dineutralkan menjadi hentian dua bibir tidak bersuara [p]	146
Jadual 5.29	:	Konsonan nasal gigi-gusi bersuara [n] dineutralkan menjadi nasal langit lembut bersuara [ŋ]	146
Jadual 5.30	:	Konsonan getaran gigi-gusi bersuara [r] dineutralkan menjadi letusan langit keras-gigi gusi bersuara [ʃ]	147
Jadual 5.31	:	Konsonan geseran gigi-gusi tidak bersuara [s] dineutralkan menjadi letupan langit keras [c]	147
Jadual 5.32	:	Konsonan hentian gigi-gusi tidak bersuara [t] dineutralkan menjadi hentian dua bibir tidak bersuara [p]	147
Jadual 5.33	:	Konsonan geseran bibir-gigi bersuara [v] dineutralkan menjadi hentian dua bibir bersuara [b]	148
Jadual 5.34	:	Konsonan geseran bibir-gigi bersuara [v] dineutralkan menjadi hentian dua bibir bersuara [b] di Tengah Leksis	149
Jadual 5.35	:	Konsonan geseran bibir-gigi bersuara [v] dineutralkan menjadi nasal gigi-gusi bersuara [n]	149


Jadual 5.36	:	Konsonan geseran bibir-gigi bersuara [v] dineutralkan menjadi vokal belakang sempit [u]	149
Jadual 5.37	:	Konsonan geseran bibir-gigi bersuara [v] dineutralkan menjadi separuh vokal bibir bersuara [w]	150
Jadual 5.38	:	Pengguguran Suku Kata	151
Jadual 5.39	:	Penyisipan Suku Kata	151
Jadual 5.40	:	Penyisipan Rangkap Vokal (Diftong)	152
Jadual 5.41	:	Penyerapan Penuh	153
Jadual 5.42	:	Penyahaspirasi	154
Jadual 5.43	:	Pengguguran Separuh Vokal [y]	155
Jadual 5.44	:	Pengguguran Separuh Vokal [y] di Tengah Leksis	155
Jadual 5.45	:	Penyisipan Vokal [a, ə, i] di Tengah Leksis	155
Jadual 5.46	:	Penyisipan Vokal [a] di Akhir Leksis	156
Jadual 5.47	:	Penyisipan Konsonan [g, h] di Tengah Leksis	156
Jadual 5.48	:	Penyisipan Konsonan [t, h] di Akhir Leksis	156
Jadual 5.49	:	Vokal depan luas [a] berubah menjadi vokal depan separuh sempit [ə]	157
Jadual 5.50	:	Vokal depan luas [a] berubah menjadi vokal depan sempit [i]	157
Jadual 5.51	:	Vokal depan luas [a] berubah menjadi vokal belakang separuh sempit [o]	158
Jadual 5.52	:	Vokal depan luas [a] berubah menjadi vokal belakang sempit [u]	158
Jadual 5.53	:	Vokal depan sempit [i] berubah menjadi vokal depan separuh sempit [a]	158
Jadual 5.54	:	Vokal depan sempit [i] berubah menjadi vokal tengah [e]	158
Jadual 5.55	:	Vokal belakang sempit [u] berubah menjadi vokal depan separuh sempit [ə]	159
Jadual 5.56	:	Vokal belakang sempit [u] berubah menjadi vokal belakang separuh sempit [o]	159
Jadual 5.57	:	Konsonan hentian dua bibir bersuara [b] dineutralkan menjadi hentian langit lembut tidak bersuara [k]	159
Jadual 5.58	:	Konsonan hentian dua bibir bersuara [b] dineutralkan menjadi hentian dua bibir tidak bersuara [p]	160



Jadual 5.59	:	Konsonan geseran glotis tidak bersuara [h] dineutralkan menjadi separuh vokal [y]	160
Jadual 5.60	:	Konsonan hentian langit lembut tidak bersuara [k] dineutralkan menjadi hentian langit lembut bersuara [g]	160
Jadual 5.61	:	Konsonan hentian anak tekak tidak bersuara [q] dineutralkan menjadi konsonan hentian langit lembut tidak bersuara [k]	161
Jadual 5.62	:	Konsonan geseran bibir-gigi bersuara [v] dineutralkan menjadi vokal belakang sempit [u]	161
Jadual 5.63	:	Konsonan separuh vokal bibir bersuara [w] dineutralkan menjadi vokal belakang sempit [u]	161
Jadual 5.64	:	Pengguguran Suku Kata	162
Jadual 5.65	:	Penyisipan Rangkap Vokal (Diftong)	162
Jadual 5.66	:	Penyerapan Penuh	163
Jadual 5.67	:	Penyahspirasian	164
Jadual 5.68	:	Pengguguran Vokal [a, i] di Awal Leksis	164
Jadual 5.69	:	Pengguguran Vokal [i] di Tengah Leksis	165
Jadual 5.70	:	Pengguguran Vokal [o] di Akhir Leksis	165
Jadual 5.71	:	Pengguguran Konsonan [h] di Tengah Leksis	165
Jadual 5.72	:	Penyisipan Konsonan [g, d] di Tengah Leksis	166
Jadual 5.73	:	Penyisipan Konsonan [h] di Akhir Leksis	166
Jadual 5.74	:	Vokal depan luas [a] berubah menjadi vokal tengah [ə]	166
Jadual 5.75	:	Vokal depan separuh sempit [e] berubah menjadi vokal depan sempit [i]	167
Jadual 5.76	:	Vokal belakang separuh sempit [o] berubah menjadi vokal belakang sempit [u]	167
Jadual 5.77	:	Vokal belakang separuh sempit [o] berubah menjadi nasal langit lembut bersuara [ŋ]	168
Jadual 5.78	:	Vokal belakang separuh sempit [o] berubah menjadi nasal gigi-gusi bersuara [ŋ]	168
Jadual 5.79	:	Konsonan letusan langit-keras tak bersuara [č] dineutralkan menjadi hentian langit lembut tidak bersuara [k]	168

Jadual 5.80	:	Konsonan letusan lelangit-keras tak bersuara [č] dineutralkan menjadi geseran gigi-gusi tidak bersuara [s]	169
Jadual 5.81	:	Konsonan geseran glotis tidak bersuara [h] dineutralkan menjadi separuh vokal [y]	169
Jadual 5.82	:	Konsonan hentian lelangit lembut bersuara [g] dineutralkan menjadi letusan lelangit keras-gigi gusi bersuara [ǰ]	170
Jadual 5.83	:	Konsonan geseran bibir-gigi tak bersuara [f] dineutralkan menjadi hentian dua bibir tidak bersuara [p]	170
Jadual 5.84	:	Konsonan nasal gigi-gusi bersuara [n] dineutralkan menjadi nasal lelangit lembut bersuara [ŋ]	170
Jadual 5.85	:	Konsonan letupan anak tekak [q] dineutralkan menjadi hentian lelangit lembut tidak bersuara [k]	171
Jadual 5.86	:	Konsonan geseran gigi-gusi tidak bersuara [s] dineutralkan menjadi letusan lelangit keras-gigi gusi bersuara [š]	171
Jadual 5.87	:	Konsonan geseran bibir-gigi bersuara [v] dineutralkan menjadi hentian dua bibir bersuara [b]	171
Jadual 5.88	:	Pengguguran Suku Kata	172
Jadual 5.89	:	Penyisipan Suku Kata	172
Jadual 5.90	:	Penyisipan Rangkap Vokal (Diftong)	172
Jadual 5.91	:	Peleburan Rangkap Vokal (Diftong)	172
Jadual 5.92	:	Penyerapan Penuh	174
Jadual 5.93	:	Pengguguran Vokal [e, o] di Tengah Leksis	176
Jadual 5.94	:	Pengguguran Vokal [e] di Akhir Leksis	176
Jadual 5.95	:	Pengguguran Separuh Vokal [y]	176
Jadual 5.96	:	Pengguguran Konsonan [ch] di Akhir Leksis	177
Jadual 5.97	:	Penyisipan Vokal [i] di Akhir Leksis	177
Jadual 5.98	:	Konsonan letupan lelangit keras [c] dineutralkan menjadi hentian lelangit lembut tidak bersuara [k]	178
Jadual 5.99	:	Separuh vokal bibir bersuara [w] dineutralkan menjadi hentian dua bibir bersuara [b]	178
Jadual 5.100	:	Perubahan Fonem [tie] menjadi [si]	178
Jadual 5.101	:	Penyisipan Suku Kata	179
Jadual 5.102	:	Penyerapan Penuh	180

Jadual 5.103	: Penyahaspirasian	181
Jadual 5.104	: Pengguguran Separuh Vokal [y, w]	181
Jadual 5.105	: Pengguguran Konsonan [c] di Tengah Leksis	182
Jadual 5.106	: Penyisipan Vokal [e] di Akhir Leksis	182
Jadual 5.107	: Konsonan letupan langit keras [c] dineutralkan menjadi hentian langit lembut tidak bersuara [k]	183
Jadual 5.108	: Penyisipan Suku Kata	184



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 : Kerangka Kajian	47
Rajah 4.1 : Diversiti Leksis Bahasa Melayu Melalui Serapan Perbendaharaan Kata Dari Keluarga Bahasa Indo-Eropah iaitu Bahasa Sanskrit (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)	59
Rajah 4.2 : Diversiti Leksis Bahasa Melayu Melalui Serapan Perbendaharaan Kata Dari Keluarga Bahasa Indo-Eropah iaitu Bahasa Parsi (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)	80
Rajah 4.3 : Diversiti Leksis Bahasa Melayu Melalui Serapan Perbendaharaan Kata Dari Keluarga Bahasa Indo-Eropah iaitu Bahasa Portugis (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)	88
Rajah 4.4 : Diversiti Leksis Bahasa Melayu Melalui Serapan Perbendaharaan Kata Dari Keluarga Bahasa Indo-Eropah iaitu Bahasa Belanda (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)	95
Rajah 4.5 : Diversiti Leksis Bahasa Melayu Melalui Serapan Perbendaharaan Kata Dari Keluarga Bahasa Indo-Eropah iaitu Bahasa Inggeris (Mohd Nor Azan Abdullah, 2013)	113



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

<b>ARK</b>	-	Arkaik
<b>BH</b>	-	Bahasa Halus
<b>BKN</b>	-	Berkaitan
<b>BP</b>	-	Bahasa Percakapan
<b>DLL</b>	-	Dan Lain-Lain
<b>DSB</b>	-	Dan Sebagainya
<b>IB</b>	-	Indonesia Belanda
<b>ID</b>	-	Indonesia
<b>KI</b>	-	Kiasan
<b>SBG</b>	-	Sebagai
<b>SJ</b>	-	Sejenis
<b>SL</b>	-	Sastera Lama
<b>SR</b>	-	Seruan



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Kajian ini adalah bertujuan untuk menyenaraikan leksis peripheral Indo-Euro dalam bahasa Melayu, untuk mengenal pasti perubahan fonologi dan morfologi leksis peripheral Indo-Euro apabila diserap ke dalam leksis bahasa Melayu dengan sebutan bahasa Melayu dan seterusnya menjelaskan usaha-usaha pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui penyerapan leksis peripheral Indo-Euro dalam bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, dalam bab ini, penyelidik akan mempersembahkan perkara-perkara yang berkaitan dengan leksis peripheral Indo-Euro dalam bahasa Melayu, perubahan fonologi dan morfologi leksis peripheral Indo-Euro apabila diserap ke dalam leksis bahasa Melayu dengan sebutan bahasa Melayu dan usaha-usaha pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui penyerapan leksis peripheral Indo-Euro dalam bahasa Melayu.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Malaysia merupakan sebuah negara yang menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan dan pergaulan seharian dalam masyarakat yang majmuk seperti bangsa Melayu, Cina, India dan kaum bumiputera yang terdapat di Malaysia. Malahan, orang asing yang melancong atau menetap di Malaysia juga fasih dalam bertutur menggunakan bahasa Melayu. Tidak dinafikan juga bahawa pekerja-pekerja asing yang bekerja di sektor pembuatan dan industri lain juga menuturkan bahasa Melayu dalam pergaulan harian mereka. Dalam bidang bahasa dan linguistik, leksis atau perkataan merupakan sesuatu hal yang penting untuk memudahkan sebuah komunikasi terjadi dalam penyampaian maklumat. Menurut Kamus Dewan Edisi

Keempat, lexis merujuk kepada perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau sesuatu bidang. Lexis juga dikenali sebagai unit tatabahasa yang paling kecil dalam sesebuah bahasa (Lewis, 1997). Menurut Palmer (1981: 32), lexis merupakan istilah teknikal yang digunakan untuk merujuk perkataan dalam sesebuah bahasa dan bentuk jamak lexis dikenali sebagai item-item leksikal. Dalam kajian Loose (1999), beliau menyatakan bahawa terdapat beberapa istilah penting yang diperlukan untuk memproses sesuatu maklumat seperti kepercayaan, pengetahuan, makna atau niat. Lexis yang menjadi fokus dalam kajian ini terdiri daripada lexis bahasa Sanskrit, bahasa Parsi, bahasa Portugis, bahasa Belanda dan bahasa Inggeris di mana lexis bahasa-bahasa tersebut merupakan lexis yang diserap ke dalam bahasa Melayu yang telah memperkayakan perbendaharaan kosa kata dalam bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, istilah peripheral digunakan bagi merujuk kepada lexis atau perkataan di luar bahasa Melayu tetapi diasimilasi sebagai lexis bahasa Melayu dengan sebutan bahasa Melayu. Istilah peripheral digunakan dalam kajian ini bagi menunjukkan bahawa lexis daripada bahasa-bahasa luar diserap ke dalam bahasa Melayu untuk memperkayakan perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu pada zaman dahulu. Sememangnya lexis asing diserap ke dalam bahasa Melayu untuk memudahkan komunikasi pada masa tersebut. Hal ini kerana bahasa Melayu merupakan bahasa "*lingua franca*" di mana Selat Melaka menjadi salah satu persinggahan perdagangan yang berkembang pesat dengan kehadiran pedagang-pedagang dari seluruh dunia. Secara tidak langsung, masyarakat Melayu pada masa itu akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan dan komunikasi dengan pedagang-pedagang luar dan dalam masa yang sama, pedagang-pedagang luar juga pasti menggunakan lexis bahasa mereka sendiri bagi memudahkan komunikasi dua hala berlaku. Dengan demikian, lexis bahasa asing juga terserap ke dalam bahasa Melayu melalui perdagangan. Menurut Mohd Nor Azan Abdullah & Musirin Mosin (2018), lexis peripheral merupakan kosa kata tambahan yang berasal daripada bahasa rumpun yang berlainan yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Kosa kata yang diserap ke dalam bahasa Melayu berlaku disebabkan oleh pertembungan beberapa budaya kehidupan yang berbeza yang melibatkan proses percakapan di antara dua penutur atau ramai bagi melancarkan sebuah komunikasi yang berlaku dan mudah difahami. Berdasarkan konsep-konsep yang dikemukakan oleh pengkaji

lepas, istilah lexis peripheral digunakan dalam kajian ini untuk menunjukkan bahawa kosa kata yang terdapat di dalam bahasa Melayu merupakan lexis yang diserap ke dalam bahasa Melayu oleh beberapa faktor tertentu mengikut bahasa-bahasa luar untuk menambahkan dan memperkayakan perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu.

Menurut pengkaji bahasa Melayu, mereka menyatakan bahawa bahasa Melayu Austronesia adalah bahasa keempat atau bahasa kelima terpenting di dunia selepas bahasa Mandarin, Inggeris dan Urdu setelah dianggarkan lebih 300 juta penduduk di Asia Tenggara yang bertutur menggunakan bahasa Melayu (Collins, 2005; Asmah Omar, 2008; Awang Sariyan, 2014; Chaiwat, 2017). Hal ini tidak menghairankan kerana sejarah lalu membuktikan bahawa bahasa Melayu pernah menjadi bahasa "*lingua franca*" apabila Selat Melaka menjadi pusat persinggahan pedagang-pedagang asing. Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa rasmi di Malaysia malahan juga menjadi bahasa rasmi di negara Asia Tenggara yang lainnya seperti negara Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam serta bahasa utama majoriti etnik dalam pelbagai dialek di Kepulauan Filipina, Borneo, Kalimantan, Kepulauan Sumatera, Kepulauan Jawa, selatan Thailand dan Kemboja serta Kepulauan Pasifik.

Menurut Ajid Che Kob (1982: 530-540), bahasa Melayu dikategorikan sebagai bahasa Polinesia daripada keluarga Austronesia yang digunakan di wilayah Malaysia, Indonesia dan kepulauan Nusantara selama lebih daripada 1500 tahun. Bahasa Melayu juga berkembang seiring peredaran zaman yang meliputi aspek politiknya, pengaruh kebudayaan, perkembangan sistem tulisan dan penambahan kosa kata. Dengan perkembangan tersebut, bahasa Melayu berpotensi menjadi bahasa rasmi ASEAN dan salah satu bahasa utama di dunia. Dengan semakin majunya sistem teknologi dan maklumat, maka ianya pasti memudahkan semua pihak untuk mempelajari bahasa Melayu. Dengan bertambahnya bilangan pelancong dan pekerja asing ke dalam negara ianya turut akan meningkatkan martabat bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. Hal ini kerana mereka juga boleh menjadi pengajar bahasa Melayu kepada lingkungan masyarakat di negara asal mereka apabila mereka kembali ke negara asal.